



Kepingan plat antara cenderamata yang ditemui dalam peti besi Tunku di Memorial Tunku Abdul Rahman.



BH 7/02/10

Pameran koleksi

Tunku Abdul Rahman

Himpunan cenderamata bekas Perdana Menteri dipamerkan di Rumah Merdeka, Alor Setar

Oleh Suzan Ahmad
suzan@bharian.com.my

ESOK bukan sekadar tarikh lahir Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, tetapi turut menjadi detik istimewa iaitu hari pertama bermulanya pameran koleksi 46 artifak berharga milik Bapa Kemerdekaan itu.

Menariknya, pameran yang memberi peluang orang ramai menyelami koleksi bernilai RM400.000 yang terkunci rapat selama 19 tahun Sebelum didedahkan pada tahun lalu, akan diadakan di kediaman asal bekas Perdana Menteri pertama itu iaitu bertempat di Rumah Merdeka di Alor Setar, Kedah.

Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Sidek Jamil, berkata koleksi artifak itu akan dipamerkan selama dua minggu di lokasi berkenaan Sebelum dibawa menjelajah ke seluruh negara secara berperingkat.

"Pameran itu adalah sebahagian usaha kita mengotakanjanji untuk membolehkan orang ramai melihat sendiri koleksi bersejarah itu. Selain pameran, kita turut mengadakan pelbagai aktiviti lain berkonsep interaktif seperti peraduan mewarna dan persembahan gamelan," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Istimewanya artifak itu bukan sekadar catatan Sejarah tanda mata menghargai jasa Tunku, tetapi turut menjadi permulaan kepada benih perpaduan, keikhlasan, persefahaman, toleransi beragama dan kerjasama antarabangsa yang tersemayam sejak dulu lagi.

Menerusi kajian dan usaha menjejaki asal-usul koleksi artifak dalam peti besi yang dibuka pada 2





Norazwa Samsudin, Penolong Pegawai Penerangan Arkib negara menunjukkan dokumen lama yang masih berada dalam simpanan Arkib Negara.

Julai tahun lalu oleh Arkib Negara, turut menyerlahkan persahabatan erat yang terjalin antara Tunku dengan badan korporat, individu dan antarabangsa atas dasar keikhlasan, rasa terima kasih serta tanggungjawab yang tidak berbelah-bahagi.

Tiada sebarang dokumen penting negara mahupun rahsia kerajaan seperti didakwa sesetengah pihak, sebaliknya peti besi yang diserahkan anakanda Tunku, Tunku Ahmad Nerang kepada Arkib Negara pada 1994 itu terkandung cenderamata seperti butang baju, duit syiling, gunting dan jam tangan jenama Dalil.

Tidak ketinggalan, kotak emas, kunci, loket, ukiran patung, pen Parker, pingat, pin tali leher, plak, plat/kepingan logam, replika pendayung sampan dan replika penyudip simen.

Biarpun nilai keseluruhan artifak ini mencecah ratusan ribuan ringgit, tetapi masyarakat seharusnya melihat penemuan ini bukan pada nilainya tetapi paling penting aspek sejarah serta falsafah di sebalik setiap pemberian itu.

Hakikat ini turut diakui Sidek yang menegaskan usaha mendokumentasi sejarah dan latar belakang artifak dalam bentuk katalog itu dapat menjadi rujukan pengkaji serta sesiapa saja yang berminat.

"Kami menjejaki asal usul hadiah ini melalui berita yang



Pameran itu adalah sebahagian janji kita untuk membolehkan orang ramai melihat sendiri koleksi bersejarah itu. Selain itu, kita turut mengadakan pelbagai aktiviti lain berkonsep interaktif"


Sidek Jamil
Ketua Pengarah Arkib Negara

pernah disiarkan di akhbar ketika itu, selain maklumat berkaitan sebagai sokongan. Ini memberikan objek itu lebih makna dan kaitannya dengan sejarah pembangunan negara selepas kemerdekaan juga memahami falsafah di sebaliknya," katanya.

Sebagai contoh kerjasama dan sumbangan sektor korporat dalam pembangunan dan kemerdekaan ialah pembinaan Hotel Federal, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur yang dirasmikan Tunku pada 26 Ogos 1957. Pembinaan hotel 10tingkat itu turut berperanan menyediakan kemudahan penginapan kepada orang ramai yang turut serta meraikan detik bersejarah sempena perisytiharan kemerdekaan negara di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957.

Hotel ini masih beroperasi sehingga kini. Ini membuktikan ketika itu secara tidak langsung sudah wujud tolak ansur, kerjasama dan perpaduan.

"Kini corak itu berubah dan lebih dikenali sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)...konsep yang sudah sedia wujud sejak zaman Tunku lagi. Sebenarnya banyak lagi keistimewaan tersendiri artifak ini dan orang ramai tidak seharusnya melepaskan peluang melihat dengan lebih dekat koleksi ini," kata Sidek.



Jam tangan emas putih Swiss jenama Dalil koleksi Tunku.



Antara koleksi artifak Tunku Abdul Rahman

- 14 gunting, termasuk pemberian Cathay Cinema, Kuala Lumpur pada 23 Januari 1958 dengan berat 54.7 gram.
- Sebuah kotak bersadur emas seberat 1,485 gram dengan saduran emas 20 karat pemberian Presiden Amerika Syarikat, Lyndon Baines Johnson pada 1966 ketika presiden itu membuat lawatan ke negara ini.
- Satu set butang baju seberat 4.8 gram bernilai lebih RM20,000 pemberian Sultan Kedah.
- Kunci emas sempena pembukaan Masjid Ar-Rahmah, Alor Setar, pada 25 Ogos 1961.



Gunting antara cenderamata yang ditemui dalam peti besi Tunku.